

## 40 peniaga bakal terima sagu hati

AMPANG - Seramai 40 penyewa dan pemilik premis Pembangunan Luar Bandar (PLB) di hadapan Waterfront Ampang akan menerima sagu hati berikutan premis mereka dirobohkan bagi memberi laluan projek pembangunan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Hulu Kelang (Suke) di kawasan itu.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berkata, perkara itu dimaklumkan dalam hasil perbincangan pihaknya bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), peniaga dan pihak Suke.

"Pihak projek Suke akan



ZURAIDA

beri sagu hati kepada peniaga untuk bantu mereka sewa atau cari premis baru.

"Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat juga akan

terlibat cari tapak bersesuaian untuk mereka," katanya.

Zuraida berkata, beliau difahamkan sebahagian peniaga memang tiada lesen, menjalankan pemiagaan di atas tanah kerajaan dan rizab jalan.

"Sudah tiba masanya premis di kawasan itu dirobohkan untuk projek Suke," katanya.

Sebelum ini, kesemua peniaga itu telah menerima notis pengosongan tapak oleh Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat 19 Disember lalu untuk mengosongkan tapak dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis diedarkan.



Antara premis yang bakal dirobohkan bagi memberi laluan projek pembangunan Suke.